

Tidak ambil suntikan imunisasi bahaya pada anak-anak

Oleh MOHD.YUNUS YAKKUB
dan AZHAR AHMAD



MOHAMMAD SHUKRI



ZULKORNAIN

KUALA LUMPUR - Tindakan menolak suntikan vaksin atau imunisasi kepada bayi boleh membahayakan nyawa anak-anak.

Pakar perunding perubatan, Datuk Seri Dr. Zulkornain Ahmad berkata, vaksin yang diberikan telah diuji secara saintifik dan terbukti keberkesanannya dalam mencegah penyakit seperti demam campak dan hepatitis.

“Vaksin itu membantu sistem imun badan kita lebih bersedia dalam memberikan tindak balas mencegah sesuatu penyakit dan perlu diberi secara menyeluruh.

“Ini bagi menghasilkan kesan imuniti berkumpulan dalam badan. Justeru, semakin kurang

menerima vaksin makin berisiko,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Zulkornain menambah, ia berbeza dengan perubatan homeopati yang tidak diketahui keberkesanannya berikutan tiada kajian atau bukti saintifik mengenainya.

Sementara itu, **Mufti Kelantan, Datuk Mohammad Shukri Mohammad** berkata, orang ramai disarankan agar tidak ragu-ragu menggunakan vaksin dari-

pada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ini kerana katanya, pengeluaran sesuatu fatwa mengenai vaksin adalah setelah ia dikaji dan dibincang mengenai kebaikan dan keburukannya.

Bagaimanapun jelasnya, krisis itu wujud kerana sikap percaya membuta-tuli seseorang individu terhadap dakyah atau cerita yang disebarkan menerusi saluran media sosial oleh pihak tidak bertanggungjawab yang cuba meruntuhkan istitusi agama.

“Krisis kepercayaan individu seterusnya mencetuskan perbezaan pandangan sekali gus menimbulkan keraguan.

“Sebaliknya, orang ramai perlu memberikan kepercayaan penuh kepada institusi yang telah dilantik seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Fatwa

INFO

Jadual imunisasi yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan

| VAKSIN | BULAN |
|--|-------------------|
| ● BCG (Bacillus Calmette-Guerin) | Baru lahir |
| ● Hepatitis B | Baru lahir, 1, 6 |
| ● DTaP (difteria, tetanus dan batuk kokol) | 2, 3, 5, 18 |
| ● HiB (influenza hemofilus jenis B) | B 2, 3, 5, 18 |
| ● IPV (polio) | 2, 3, 5, 18 |
| ● Campak, beguk dan rubela | 12 hingga 7 tahun |
| ● HPV | 13 tahun (2 dos) |
| ● Kancing gigi | 15 tahun |

Kosmo
17/11/16
MIS 6

Majlis Kebangsaan dalam menentukan pandangan syarak terhadap permasalahan umat Islam di negara ini,” tegasnya.

Mohammad Shukri menjelaskan, pada pandangan syarak, imunisasi yang merupakan jalan pencegahan adalah perkara

dituntut dalam Islam sesuai dengan kaedah usul fikah oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sejak 1988 yang menjadi panduan seluruh umat Islam di negara ini.